

**Date and Time:** Monday, 17 April 2023 11:48:00AM MYT

**Job Number:** 195049517

## Document (1)

1. [Export-Import Bank of Malaysia Bhd Iwn Ihme LLC dan lain-lain \[2018\] MLJU 454](#)

**Client/Matter:** -None-

**Search Terms:** [2018] MLJU 454

**Search Type:** Natural Language

**Narrowed by:**

**Content Type**  
MY Cases

**Narrowed by**  
-None-

# EXPORT — IMPORT BANK OF MALAYSIA BERHAD v IHME LLC DAN LAIN-LAIN

[CaseAnalysis](#)

[2018] MLJU 454

## Export-Import Bank of Malaysia Bhd lwn Ihme LLC dan lain-lain [2018] MLJU 454

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR)

HANIPAH FARIKULLAH H

GUAMAN NO WA-22M-161-07 TAHUN 2017

6 March 2018

*Hassanudin bin Roslan (Azrul Afifi & Azuan) bagi pihak plaintif.  
Azlan bin Abdul Roni (Roni & Co) bagi pihak defendan.*

### Hanipah Farikullah H:

ALASAN PENGHAKIMAN Pengenalan

[1]Kandungan [11] adalah merupakan permohonan Plaintiff di bawah Aturan 14 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 untuk suatu Penghakiman Terus direkodkan terhadap Defendan-defendan untuk perintah-perintah sepetii berikut -

- (a) Plaintiff dibenarkan memasukkan Penghakiman Muktamad terhadap Defendan-defendan yang dinamakan di atas selaras dengan Aturan 14 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012;
  - i. Jumlah sebanyak USD2,921,975.64 yang masih tertunggak dan terhutang oleh Defendan-defendan setakat 31.5.2017;
  - ii. Faedah keuntungan dikira pada kadar 3 % setahun di atas kadar COF ke atas jumlah USD2,921,975.64 dari tarikh 1.6.2017 sehingga penyelesaian penuh;
  - iii. Pampasan yang dikira pada kadar.COF setahun ke atas jumlah USD2,921 ,975.64 bermula daripada 1.6.2017 sehingga penyelesaian penuh.
- (b) Kos; dan
- (c) Apa-apa relif bersesuaian.

Latar Belakang Kes

[2]Melalui Surat Tawaran bertarikh 19.2.2013 (selepas ini dirujuk sebagai “Surat Tawaran tersebut”) dan di atas permohonan Defendan Pertama, Plaintiff telah bersetuju untuk memberi suatu kemudahan Pembiayaan-i Projek Luar Negara ( *Overseas Project Financing-!*) dalam jumlah maksimum agregat prinsipal di dalam matawang Dollar Amerika Syarikat berjumlah USD2,730,000.00 (selepas ini dirujuk sebagai “Kemudahan OPF-i tersebut) dan suatu

....

kemudahan Pembiayaan-i Garis Pra-Penghantaran Pembekal (*A Line of Pre-Shipment Supplier Financing-I*) berjumlah maksimum agregat prinsipal di dalam matawang Dollar Amerika Syarikat USD1,000,000.00 (selepas ini dirujuk sebagai "Kemudahan SF-i tersebut") tertakluk kepada terma-terma dan syarat- syarat yang terkandung di dalam Surat Tawaran tersebut.

[3]Seterusnya, ekoran penerimaan terma-terma dan syarat-syarat Surat Tawaran tersebut, Defendan Pertama telah menandatangani suatu Perjanjian Kemudahan bertarikh 14.3.2013 (selepas ini dirujuk sebagai "Perjanjian Kemudahan tersebut").

[4]Tujuan Kemudahan OPF-i tersebut adalah untuk pembiayaan sebahagian daripada kos menaik taraf kilang penyembelihan dan pemprosesan daging (selepas ini dirujuk sebagai "Projek Tersebut") pada harga kontrak di dalam matawang Dollar Amerika Syarikat yang berjumlah USD5, 902,481.00 seperti berikut:-

No.	Perkara	Perlaburan (USD)
1.	Pengambilan Kilang Daging	1 350,000.00
2.	Pengubahsuaian Premis Kilang	2,200,000.00
3.	Pembelian dan Pemasangan Peralatan Pembekuan	963,340.00
4.	Alasan Pemetongan dan Membuang Tulang (Pengantar dan Meja)	1,220,500.00
5.	Pembelian Barangan Makmal	168,641.00
	<b>Jumlah Perbelanjaan Modal</b>	<b>5,902,481.00</b>

[5]Menurut Plaintiff, item 1, 3 dan 5 di atas adalah disumbangkan atau dilaburkan oleh Defendan Pertama manakala item 2 dan 4 adalah dibiayai oleh Plaintiff teriakluk kepada margin pembiayaan berdasarkan Prinsip Syariah *Istisna'*.

[6]Manakala tujuan Kemudahan SF-i tersebut adalah untuk membiayai sebahagian pembelian ternakan Defendan Pertama bagi tempahan sedia ada dan pada masa akan datang berkaitan dengan aktiviti perniagaan yang diterima oleh Plaintiff.

[7]Terma-terma dan syarat-syarat material berhubung dengan Kemudahan OPF-i dan SF-i tersebut adalah, *inter alia*, seperti berikut:-

(1) **Kemudahan OPF-i Tersebut**

- (i) Harga Jualan Kemudahan OPF-i tersebut adalah USD3,997,577.00 yang dikira pada harga siling sebanyak 12.00 % setahun. Pembayaran harga jualan akan dikira berdasarkan kepada kadar semasa keuntungan. Perbezaan di antara kadar siling dan kadar semasa keuntungan akan dianggap sebagai *Ibra'* (rebat);
- (ii) Pembayaran harga jualan hendaklah dibuat secara ansuran suku tahun bermula dan kena dibayar pada tiga (3) bulan pertama dari tarikh pembayaran periana atau penggunaan mengikut cara berikut:-

Bilangan Ansuran	Amaun Ansuran Suku Tahun (USD)	Perkara
------------------	--------------------------------	---------

....

Bilangan Ansuran	Amaun Ansuran Suku Tahun (USD)	Perkara
1-4	USD34, 125.00	Keuntungan ketika Tempoh Penangguhan
5-24	USD155, 119.66	Keuntungan dan Kos selepas luput Tempoh Penangguhan

- (iii) Ansuran di atas adalah pada harga jualan berdasarkan kepada kadar keuntungan 5% setahun di atas pembayaran penuh atau penggunaan yang dibayar setiap suku tahun;
- (iv) Bayaran keuntungan dalam tempoh penangguhan itu hendaklah dikira berdasarkan jumlah sebenar dikeluarkan pada kadar keuntungan semasa, atas bilangan sebenar hari yang berlalu dalam setahun 365 hari; dan
- (v) Ansuran selepas tempoh penangguhan dikira atas kaedah anuiti di atas kadar keuntungan semasa.

**(2) Kemudahan SF-i Tersebut**

- (i) Harga Jualan Kemudahan SF-i tersebut adalah ditentukan pada setiap pengeluaran atau penggunaan. Satu Memorandum Jualan Murabahah hendaklah dilaksanakan pada setiap pengeluaran atau penggunaan yang akan mewakili sebagai satu *aqad*;
- (3) Kadar keuntungan adalah berdasarkan kepada kadar kos dana (*costs of fund*) (selepas ini dirujuk sebagai "COF") ditambah 3% setahun. COF merupakan kos pembiayaan Plaintiff yang hendaklah sama ada berdasarkan kadar yang ditawarkan "*London Interbank Offered Rate*" (LIBOR) atau apa-apa kadar lain yang akan ditentukan oleh Plaintiff mengikut budi bicara mutlaknyanya termasuk pembiayaan kos oleh Plaintiff.
- (4) Defendan Pertama adalah bertanggungjawab untuk membayar pampasan kepada Plaintiff yang dikira pada kadar COF setahun ke atas tunggakan pembayaran ansuran daripada harga jualan semasa di dalam tempoh kemudahan tersebut.
- (5) Sekiranya selepas tarikh matang kemudahan tersebut, Defendan Pertama adalah bertanggungjawab untuk membayar pampasan kepada Plaintiff yang dikira pada kadar COF setahun ke atas kos.
- (6) Sekiranya Defendan Pertama ingkar dan / atau melanggar terma-terma Perjanjian Kemudahan tersebut, Plaintiff dengan memberi notis kepada Defendan Pertama berhak untuk membuat tuntutan terhadap Defendan Pertama seterusnya membatalkan Perjanjian Kemudahan Tersebut dengan serta- merta dan Defendan Pertama adalah bertanggungjawab untuk membayar fi dan perbelanjaan yang berkaitan atau bersampingan dengan pemberian Perjanjian Kemudahan tersebut.
- (7) Cagaran yang diwujudkan oleh dokumen-dokumen sekuriti akan berkuatkuasa serta-merta.
- (8) Plaintiff berhak untuk menguatkuasa semua atau mana-mana remedi yang ada menurut Perjanjian Kemudahan tersebut dokumen-dokumen sekuriti yang lain dan tindakan sivil bagi mendapatkan kembali apa-apa jumlah terhutang.
- (9) Penyata keberhutangan yang disediakan oleh mana-mana pegawai yang diberikan kuasa oleh Plaintiff berkenaan sebarang jumlah yang terhutang kepada Plaintiff adalah merupakan keterangan konklusif bahawa jumlah tersebut adalah jumlah terhutang dan kena dibayar melainkan wujudnya kesilapan yang ketara.

....

- (10) Sebarang tuntutan mahupun notis yang dihantar ke alamat Defendan Pertama sepertimana yang dinyatakan di dalam Perjanjian Kemudahan tersebut dianggap sebagai suatu serahan yang sempurna dan teratur ke atas Defendan Pertama pada hari kelima selepas pengeposan.

**[8]**Perjanjian Kemudahan tersebut diberikan oleh Plaintiff kepada Defendan Pertama dengan syarat Defendan-defendan meandatangani surat-surat di bawah berikut sebagai sekuriti dan / atau balasan kepada Plaintiff untuk Perjanjian Kemudahan tersebut:-

- (i) Perjanjian Kemudahan Tersebut;
- (ii) Perjanjian Jualan *Istisna'*;
- (iii) Perjanjian Belian *Istisna'*;
- (iv) Penyerahan hak atau setaraf hasil perolehan eksport dan / atau hasil pendapatan daripada ALM Trading Sdn Bhd yang berkaitan dengan perniagaan di bawah undang-undang Mongolia atau Malaysia;
- (v) Penyerahan hak pihak ketiga atau setaraf hasil perolehan eksport dan / atau hasil pendapatan ALM Trading Sdn Bhd yang berkaitan perniagaan di bawah undang-undang Mongolia atau Malaysia;
- (vi) Penyerahan hak Akaun Projek 1 oleh Defendan Pertama;
- (vii) Penyerahan hak Akaun Projek 2 oleh ALM Trading Sdn Bhd;
- (viii) Penyerahan hak ke atas semua hak dan faedah ke atas semua kontrak berkenaan, perjanjian dan *Takafu*/ atau insurans semasa pembinaan dan operasi projek;
- (ix) Cagaran pihak pertama atau setaraf di bawah undang-undang Mongolia ke atas bangunan (kilang penyembelihan dan pemprosesan daging) di Mongolia;
- (x) Debentur melalui caj tetap dan caj terapung atau setaraf di bawah undang-undang Mongolia ke atas asset semasa dan masa depan Defendan Pertama Uika ada);
- (xi) Jaminan Korporat yang merangkumi jaminan kekurangan pada kos, pembayaran keuntungan dan caj lain oleh Defendan Ke-2 dan Ke-3;
- (xii) Surat Ikatan Penyerahan Hak ke atas 5 unit hartanah yang dikenali sebagai Unit No 165-2-3, 165-3-3, 165-4-3, 165-5-3 dan 165-7-3, Wisma Mutiara (Blok B) No 165, Jalan Sungai Besi, 57100 Kuala Lumpur. Apabila telah dikeluarkan hakmilik individu / hakmilik strata yang berasingan, gadaian pihak pertama harus diwujudkan bagi 5 unit hartanah tersebut;
- (xiii) "*Cash Collateral Agreement Pertaining to the Sinking Fund Account*";
- (xiv) "*Cash Collateral Agreement Pertaining to the Finance Service Reserve Account*";
- (xv) Jaminan Peribadi tidak bersyarat, tidak boleh ditarik balik, bersesama dan berasingan ("*irrevocable and unconditional joint & several Personal Guarantee*") oleh Defendan-defendan Ke-4, Ke-5, Ke-6 dan Ke-7;
- (xvi) Penyerahan hak insuran risiko politik kepada Plaintiff atau di dalam bentuk pembiayaan; dan
- (xvii) "*Personal Guarantee*" daripada Defendan Pertama atau kontraktor melalui surat aku janji.

**[9]**Defendan Ke-2 dan Defendan Ke-3 telah menandatangani satu Perjanjian Jaminan Korporat bertarikh 14.3.2013 (selepas ini dirujuk sebagai "Perjanjian Jaminan Korporat Tersebut") yang mana Defendan Ke-2 dan Defendan Ke-3 telah secara bersesama dan berasingan bersetuju menjamin keseluruhan jumlah tertunggak di bawah Perjanjian Kemudahan Tersebut.

....

[10]Manakala Defendan-defendan Ke-4, Ke-5, Ke-6 dan ke-7 telah menandatangani Perjanjian Jaminan bertarikh 14.3.2013 (selepas ini dirujuk sebagai "Perjanjian Jaminan Tersebut") di mana Defendan- defendan Ke-4, Ke-5, Ke-6 dan ke-7 telah secara bersetuju dan berasingan bersetuju untuk menjamin keseluruhan jumlah tertunggak di bawah Perjanjian Kemudahan Tersebut.

[11]Plaintif menyatakan bahawa Plaintif telah melepaskan sepenuhnya pengeluaran wang kemudahan di bawah Perjanjian Kemudahan tersebut dan Defendan Pertama telah menggunakan kemudahan tersebut.

[12]Walau bagaimanapun, adalah menjadi pernyataan Plaintif di dalam tindakan ini bahawa Defendan Pertama telah menyalahi terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian Kemudahan Tersebut dimana Defendan Pertama didapati telah gagal, enggan dan / atau cuai membuat pembayaran semula mengikut Perjanjian Kemudahan Tersebut.

[13]Berdasarkan kepada terma-terma Perjanjian Kemudahan Tersebut, Plaintif melalui peguam caranya telah menyerahkan Surat Tuntutan dan Penamatan bertarikh 8.6.2015 (selepas ini dirujuk sebagai "Surat-surat Tuntutan Tersebut") melalui Pos Berdaftar kepada Defendan Pertama menuntut daripada Defendan Pertama untuk pembayaran sebanyak di dalam matawang Dollar Amerika Syarikat USD2,507,484.40 yang masih terhutang dan kena dibayar setakat 5.6.2015.

[14]Defendan Pertama telah gagal, abai dan / atau cuai untuk mematuhi tuntutan Plaintif tersebut.

[15]Melalui surat-surat tuntutan dan penamatan berasingan bertarikh 6.5.2015, Peguam cara Plaintif juga telah menuntut daripada Defendan- defendan Ke-2, Ke-3, Ke-4, Ke-5, Ke-6 dan Ke-7 selaku penjamin kepada Perjanjian Kemudahan tersebut untuk pembayaran sebanyak matawang Dollar Amerika Syarikat USD2,507,484.40 yang masih terhutang dan kena dibayar setakat 6.5.2015.

[16]Namun demikian, Defendan-defendan Ke-2, Ke-3, Ke-4, Ke-5, Ke- 6 dan Ke-7 juga telah gagal, enggan dan / atau cuai mematuhi tuntutan Plaintif tersebut.

#### **Keputusan**

[17]Di dalam tindakan ini, Defendan-defendan melalui Affidavit Balasan yang diikrarkan oleh Mohd Asyharim Bin Abdul Latiff bertarikh 26.9.2017 (selepas ini dirujuk sebagai "Affidavit Balasan Defendan-defendanu) telah menyatakan bahawa Defendan-defendan telah mengemukakan pembelaan-pembelaan bermerit untuk dibicarakan, dan diringkaskan seperti berikut:-

- (i) sama ada Plaintif telah memberi representasi kepada Defendan Pertama bahawa sekiranya jumlah kemudahan pembiayaan adalah tidak mencukupi maka Defendan Pertama boleh diberikan pembiayaan tambahan untuk menyiapkan Projek tersebut;
- (ii) samada jumlah tuntutan Plaintif muktamad apabila Plaintif gagal menyatakan di dalam Ringgit Malaysia secara spesifik;
- (iii) jumlah tuntutan tidak tepat dan tidak. muktamad dan berpandukan kepada kiraan yang salah; dan
- (iv) samada Plaintif perlu membayar gantirugi kepada Defendan Pertama akibat kegagalan Plaintif memberi keputusan untuk memberi pinjaman kepada Defendan Pertama selama 2 tahun.

[18]Namun, saya berpendapat dan bersetuju dengan hujahan yang dikemukakan oleh Plaintif di mana Defendan-

....

defendan di dalam tindakan ini telah gagal untuk mengemukakan sebarang pembelaan *bona fide* untuk dibicarakan melalui bicara penuh di dalam afidavitnya.

[19]Mahkamah Agung, di dalam kes *Hasil Bumi Perumahan Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corp Bhd* [1994] 1 MLJ 312, yang menyatakan seperti berikut :-

*“Consistent with the decision of our own courts in the past in dealing with issues such as those under O 13 r 8 and O 19 r 9, the guidelines in Evan v. Bertlam 3 should be accepted. In our view, in order to succeed in his application under these orders, the applicant must show that he has a defence which has some merits and which the court should try. To use common and plain language, the applicant must show that his defence is not a sham defence but one that is prima facie, raising serious issues as a bona fide reasonable defence that ought to be tried because obviously if the defence is a sham defence, there is no defence and the application must fail”.*

[20]Di dalam tindakan ini, Defendan-defendan telah membangkitkan isu bahawa wakil-wakil kepada Plaintiff telah memberi representasi yang mengikat Plaintiff di mana dinyatakan bahawa sekiranya jumlah Perjanjian Kemudahan yang dipohon oleh Defendan Pertama tidak mencukupi maka Defendan Pertama boleh diberikan kemudahan pembiayaan sekali lagi untuk menyiapkan Projek Tersebut memandangkan tujuan utama permohonan untuk Kemudahan Perjanjian tersebut dibuat adalah untuk membiayai keseluruhan Projek Tersebut. Ekoran daripada representasi tersebut, Defendan-defendan bersetuju untuk menandatangani Perjanjian Kemudahan tersebut dengan anggapan Kemudahan Perjanjian tersebut akan dilanjutkan sekiranya tidak mencukupi untuk pembiayaan penuh Projek Tersebut. Secara ringkasnya, Defendan-defendan berhujah bahawa representasi tersebut telah mendorong kepada persetujuan Defendan-defendan untuk menerima Perjanjian Kemudahan tersebut.

[21]Namun, saya berpendapat bahawa tiada bukti-bukti keterangan dikemukakan oleh Defendan-defendan bagi menyokong pernyataan Defendan-defendan berkaitan representasi yang dikatakan tersebut.

[22]Merujuk kepada kes *Bank Islam Malaysia Berhad v Mustaffar @ Mustaffa Bin Yacob & Anor* [2012] MLJU 621, Mahkamah Tinggi telah memutuskan:-

*“The overall probabilities of the case also does not support the Defendant’s allegation. It is not in dispute that the facilities given involved such a huge amount and until and unless approval is given by the top management of the Plaintiff, no bank officer would be authorized to give such representation. In this regard, the Court agrees with the judgment of my learned sister, Rohana Yusuf J, in the case of Utama Merchant Bank Bhd v Dato’ Mohd Naclzmi Mohd Salleh [2009] 6 CLJ 371, when Her Ladyship said:*

*“(2) The defendant owed the burden of proving that the representations and assurances had concluded an oral collateral agreement which co-existed with the written agreements. However, when viewed objectively in the context of a banking arrangement, the representations which were allegedly made to the defendant by the officers of the plaintiff were inherently incredible. No bank officer would be authorized to give such representations as were allegedly given by the plaintiff’s representatives. Further, it was wholly implausible that the defendant in his standing as a highly educated, experienced and prominent corporate figure, would have relied on such representations. The alleged representations were clearly and extravagantly unusual for the plaintiff’s officers to make. The defendant ought to have known that it obviously fell right outside the plaintiff’s officers’ authority or scope of employment to make such representations. Even if the alleged representations were in fact given, the defendant should have at the very least, referred to the plaintiff’s top management or board of directors for their confirmation, instead of simply relying on such representations. It would be wholly inconsistent with the conduct of an experienced businessman for the defendant to rely on the representations”.*

[Emphasis added]

....

[23] Mahkamah Tinggi di dalam kes *Utama Merchant Bank Bhd v. Dato' Mohd Nadzmi Mohd Salleh* [2009] 6 CLJ 371.; [2009] 1 LNS 687 turut memutuskan:-

*"[12] First, when viewed objectively in the context of a banking set up, the representations which were allegedly made to Dato' Mohd Nazmi by the officers of the plaintiff are inherently incredible. No bank officer would be authorized to give such representations. It is also wholly implausible that the defendant in his standing would have relied on such representations. The defendant is a known corporate figure, he is highly educated, an experienced and prominent businessman, and has held many positions as director of public listed companies. In his own testimonies he said the reason why he was sought after by the plaintiff is because of his standing in the corporate world and business circle. He would be well placed to understand fully, that no bank officer would conceivably have the authority to give such representations on behalf of the bank.*

*[13] If it is true that Dato' Mohd Nadzmi relies on such representations in my mind it would be reasonable to expect him at the very least, to inquire into the unlikelihood that the officers were in fact not authorized to give such representations. This is particularly true when the alleged representations were clearly and extravagantly unusual for the bank officers in their positions to make. The defendant ought to know that it obviously fell right outside the bank officers' authority or scope of employment to make such representations. This issue came before the House of Lords in *Armagas Ltd v. Muddogas SA* [1986] 1 AC 717. In that case the House of Lords held that, even though generally an employer can be liable for fraudulent representation that causes loss to innocent parties, such liability could not exist if it had been brought about by misguided reliance on the servant. This is especially so, when the representations were not within the class of act where an employee in his position was usually unauthorized. Thus, even if the alleged representations were in fact given, the defendant should have at the very least, referred to the plaintiff's top management or board of directors for their confirmation, instead of simply relying on such representations. It would be wholly inconsistent with the conduct of an experienced businessman for the defendant to rely on the representations. Dato' Mohd Nadzmi is not a man who is ignorant of commercial and legal matters. He is not bereft of wisdom to deal in the commercial world. He has impressive credentials; a graduate in Bachelor of Arts and Economics degree from Ohio University, a Bachelor of Science in Chemistry and Mathematics from Ohio University and Masters of Arts in Economics and Statistics from Miami University. The Defendant was a lecturer in the faculty of Economic Resources and Agri Business at Universiti Pertanian Malaysia in 1980 to 1981, a marketing executive of Petronas from 1981 to 1982, an Assistant Manager in Hicom from 1982 to 1984, a Manager in Edaran Otomobi/ Nasional Bhd from 1984 to 1986, an Executive Director of Edaran Otomobil Nasional Bhd from 1990 to 1992, a Deputy Managing Director of Proton from 1992 to 1993, a Managing Director of Proton from 1993 to 1996 and an Executive Chairman of Trilisco Folec Sdn Bhd from 1996 onwards. He was also Executive Chairman of MARA Holdings Bhd and director of several companies (as listed on p. 231 CBDA) and shareholder in many companies.*

*[14] He himself admitted that he was identified by the plaintiff on the basis that he is a prominent corporate figure and known in the commercial world. It defies common sense to accept that a person of such standing can plead ignorance on what is going on in the listing exercise where he is a borrower. Furthermore, the defendant admitted that he executed all the relevant loan documentations, including the Letters of Offer, the Facility Agreements, the Memorandum of Deposits, the Powers of Attorney and the letter of drawdown. The contents of all of them are within his means to understand, though he says that he is not bound by the terms and conditions set out in them because of the representations and the documents are mere formalities. In my view it is highly improbable that he had naively relied on these representations and assurances, and made no attempt to enquire or obtain an official written commitment from the plaintiff.*

*[15] The defendant ought to know the binding nature of the agreements he had attested, he cannot be ignorant of the nature and contents of the documents he signed. *James Foong J (now FCJ) in see *Chai Then Song v. Malayan United Finance Bhd* [1993] 2 CLJ 640 held that a person who chose to be careless or not bothered with the contents of documents he signs should be prevented from denying that the contents bind him. The issue raised here is also akin to a plea of non est factum which *Zakaria Yatim J (as he then was) in *Bumiputra Lloyds Leasing Bhd v. Sykt Teknomewa Sdn Bhd & Ors* [1990] 2 CLJ 23;; [1990] 1 CLJ (Rep) 684 held that an appropriate exercise of reasonable care in the circumstances, must be shown to succeed on such a plea. Far from it, the defendant is just feigning ignorance on the implications of the documents that he had signed. In the circumstance such reliance by the defendant is highly improbable."***

[24]Berlandaskan kepada kes-kes tersebut, beban pembuktian bahawa terdapat suatu representasi dibuat yang telah mendorong kepada persetujuan untuk menerima Kemudahan Perjanjian tersebut terletak -di bahu Defendan-defendan. Namun demikian, di dalam tindakan ini, saya berpendapat bahawa Defendan-defendan telah gagal untuk mengemukakan sebarang bukti bagi menyokong kewujudan representasi tersebut.

[25]Defendan-defendan gagal untuk mengemukakan identiti sebenar wakil-wakil Plaintiff tersebut sebaliknya hanya menyatakan nama-nama wakil Plaintiff tersebut di dalam Afidavit Balasan Defendan-defendan tersebut tanpa sebarang bukti sokongan yang menunjukkan individu- individu tersebut adalah wakil yang telah diberikuasa untuk membuat representasi bagi pihak Plaintiff (merujuk kepada kes *Malayan Banking Bhd v General Industries & Ors* [2011] MLJU 812).

[26]Seterusnya , Defendan-defendan turut gagal mengemukakan butiran secara spesifik berkaitan tarikh dan masa representasi tersebut dibuat. Tambahan pula, melalui pernyataan Defendan-defendan di dalam Afidavit Balasan Defendan-defendan tersebut bahawa representasi seperti didakwa telah disaksikan oleh wakil Defendan Pertama, Dato' Zainal Bin Dato' Abdul Majid. Walau bagaimanapun, tiada afidavit yang diikrarkan oleh Dato' Zainal Bin Dato' Abdul Majid tersebut difailkan oleh Defendan-defendan bagi menyokong keterangan bahawa beliau adalah saksi sewaktu representasi tersebut dibuat.

[27]Turut menjadi tanggungjawab Defendan-defendan untuk membuat semakan dengan Plaintiff samada representasi yang didakwa tersebut dibuat oleh wakil yang telah diberi kuasa oleh Plaintiff, memandangkan Kemudahan Pinjaman ini melibatkan suatu jumlah yang besar dan adalah tidak wajar untuk Plaintiff menjanjikan melalui suatu representasi oleh seorang wakil tanpa diberikan kuasa berbuat demikian terlebih dahulu.

[28]Rentetan kegagalan Defendan-defendan untuk membuktikan terdapatnya representasi tersebut mengakibatkan pernyataan yang dikemukakan Defendan-defendan terjumlah kepada suatu pernyataan kosong kerana tidak disokong oleh sebarang bukti eksibit di dalam Afidavit Balasan Defendan-defendan tersebut.

[29]Selain daripada itu, saya turut bersetuju dengan hujahan Plaintiff bahawa representasi tersebut tidak mempunyai kaitan dengan Perjanjian Kemudahan tersebut. Tambahan pula, Defendan-defendan juga telah menandatangani dokumen-dokumen berkaitan Perjanjian Kemudahan tersebut. Maka, Defendan-defendan adalah tertakluk kepada semua terma-terma dan syarat-syarat yang termaktub di dalam dokumen-dokumen berkaitan Perjanjian Kemudahan tersebut.

[30]Selanjutnya, berkaitan isu kedua yang dibangkitkan oleh Defendan-defendan bahawa jumlah tuntutan Plaintiff adalah tidak muktamad apabila Plaintiff gagal menyatakan tuntutan mereka di dalam Ringgit Malaysia. Namun, saya bersetuju dengan hujahan yang dikemukakan oleh Plaintiff di mana Plaintiff berhak untuk menuntut daripada Defendan-defendan suatu amaun di dalam matawang Dollar Amerika Syarikat (USD) memandangkan Perjanjian Kemudahan tersebut adalah diberikan dan disalurkan kepada Defendan-defendan di dalam matawang USD.

[31]Isu yang dibangkitkan ini tidak menjadi suatu isu *bona fide* untuk bicara penuh kerana sekiranya Mahkamah ini memutuskan Defendan- defendan bertanggung untuk membuat bayaran yang dituntut oleh Plaintiff, Mahkamah ini boleh menetapkan kadar tukaran pada tarikh Penghakiman sebagai kadar tukaran yang digunakan.

[32]Merujuk kepada kes *AMMB International (L) Ltd v. Penas Holdings Sdn Bhd & Anor* [2005] 2 MLJ 509, di mana Mahkamah Tinggi telah memutuskan:-

....

*“The plaintiff was entitled to fashion its claim in the American Dollars and this court would convert that claim in Ringgit Malaysia at the appropriate time. And the appropriate time would be at the date of the judgment. Indeed this was the approach adopted by the House of Lords in the case of Miliangos v George Frank (Textiles) Ltd. [1976] AC 443. In short, it is now possible and permissible to give judgment in a foreign currency and enforce it by applying the rate of exchange at the date of payment or at the date of execution. This simple and logical principle of law has been accepted here as well as across the causeway (Wong Li Fatt William (an infant) v Haidawati bte Bolhen & Anor [1994] 2 MLJ 497; PT Anekapangan Dwitama v Far East Food Industries Sdn Bhd [1998] 7 MLJ 270; Ooi Han Sun & Anor v Bee Hua Meng [1991] 3 MLJ 219; and Wardley Ltd v Tunku Adnan & Anor [1991] 3 MLJ 366). Be that as it may, the defendants failed to plead the currency issue in their statement of defence and the principle of estoppel should be invoked against them vigorously (Overseas Investment Pte Ltd v Anthony William O’Brien & Anor [1988] 3 MLJ 332).*

**[33]**Selain itu, saya berpendapat bahawa, walaupun Defendan- defendan telah memfailkan Tuntutan Balas, antara lain, menuntut membayar gantirugi kepada Defendan Pertama akibat kegagalan Plaintiff memberi keputusan untuk memberi pinjaman kepada Defendan Pertama selama 2 tahun, tidak menghalang untuk Mahkamah ini untuk membenarkan permohonan Plaintiff untuk Penghakiman Terus dimasukkan terhadap Defendan-defendan.

**[34]**Merujuk kepada kes *Untited Trade Arena (M) Sdn Bhd & Ors v. Bank Pertanian Malaysia Bhd [2016] 2 MLJ 65*, di mana Mahkamah Rayuan nmemutuskan:-

*“We agreed with the learned judge as it has been decided by a string of case laws that, notwithstanding the filing of a counterclaim, summary judgment may still be given (see *Pewira Habib Bank Malaysia Bhd v Samuel Pakianathan [1993] 2 MLJ 423 (SC)*).*”

**[35]**Oleh yang demikian, saya dapati bahawa isu yang dibangkitkan Defendan-defendan di dalam tindakan ini tidak membawa kepada suatu isu *bona fide* untuk dibicarakan melalui suatu perbicaraan penuh.

**[36]**Di dalam kes *Cheng Heng Ping & Ors v. Intradagang Merchant Bankers (M) Bhd (1995) 2 MLJ 263* Mahkamah Rayuan memutuskan seperti berikut:-

*“(1) When an application is made for summary judgment under O 14 supporter by an affidavit showing that there is no defence, the defendants must show cause why leave to defend must be given. The defendants must provide answers on oath which constitute evidence that they have a defence which is fit to be tried. Denials in a defence do not constitute evidence. They are challenges to the other side to show proof. Here, the guarantors’ affidavits merely relied on the defence pleaded, which consisted of bare denials and unsustainable points of law.”*

**[37]**Seterusnya di dalam kes *Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd v. PSC Naval Dockyard Sdn Bhd (2008) 1 CLJ 784* Mahkamah Tinggi memutuskan seperti berikut:-

*“If adhering to Islamic principle is an issue of importance to the defendant over this matter then perhaps the defendant ought to be reminded that, fulfillment of a promise in Islam is a religious demand. In Chapter 5 Verse 1 the Quran declares that: O you who believe! Fulfill all your obligations. A covenant is a solemn undertaking or engagement between man and his obligations to God, between man and his soul and between the individual and his fellow men which covers the entire area of a man’s moral and social responsibilities. In Chapter 17 Verse 34 again it is stressed the importance of fulfilling of one’s promise when the Verse states: And fulfill (every) engagement, for every engagement will be enquired into (on the day of reckoning). These verses show that a contract in Islamic Jurisprudence is not a mere binding legal relation but it is based on certain moral and religious principles. The defendant had obtained the facility to assist its business with a promise to repay in accordance with the terms stipulated in the agreement. Since the defendant has raised concerns on the various principles of the contract which should be adhered to in a syariah based agreement, then fulfilling those agreed obligations*

....

*as per the stipulations in the agreement should be of paramount importance that the defendant should be fulfilling without even a demand having been made.”*

Sijil Keberhutangan Yang Dilampirkan Sebagai Ekshibit TA - 7 Di Dalam Afidavit Sokongan Plaintiff Yang Diikrarkan Pada 8.9.2017 Tidak Sah Dan/Atau Tepat

**[38]**Selaras dengan Klausula 62 Perjanjian Kemudahan Tersebut, Ekshibit TA - 7 di dalam Afidavit Sokongan Plaintiff yang diikrarkan pada 8.9.2017, Sijil Keberhutangan yang disediakan oleh Plaintiff adalah bukti yang muktamad bagi membuktikan keberhutangan pihak Defendan-defendan.

**[39]**Walau bagaimanapun, Defendan-defendan telah gagal untuk membuktikan bahawa jumlah yang dituntut oleh Plaintiff tersebut adalah tidak tepat. Kes *Cempaka Finance v Hoi Lai Ying & Anor* ([2006\) 2 MLJ 685](#) diterima pakai. Penutup.

**[40]**Berdasarkan kepada alasan-alasan yang dinyatakan di atas, saya mendapati bahawa Defendan-defendan di dalam tindakan ini telah gagal untuk membangkitkan sebarang isu-isu *bona fide* untuk dibicarakan sepertimana di bawah peruntukan Aturan 14 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012.

**[41]**Oleh itu, Kandungan (11) dibenarkan dengan kos sebanyak RM1,500.